

# Lembaran Fakta

## Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023

MOH/S/IKU/230.24(PT)

### Penyakit Tidak Berjangkit & Permintaan Jagaan Kesihatan

NHMS 2023

#### Pengenalan

NHMS 2023 memberi tumpuan kepada "Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) dan Permintaan Jagaan Kesihatan (HCD)". Matlamat utamanya adalah untuk mengumpulkan data dan maklumat tentang penyakit tidak berjangkit, faktor-faktor risiko penyakit tidak berjangkit, dan permintaan penjagaan kesihatan di kalangan penduduk Malaysia.

#### Metodologi

NHMS 2023 merupakan tinjauan yang menggunakan pensampelan secara rawak. Tinjauan ini meliputi semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan di Malaysia bagi memastikan ianya mewakili data penduduk di Malaysia. Sesi temu ramah secara bersemuka telah dilakukan oleh pembantu penyelidik terlatih selain menggunakan bersama borang soal selidik isi sendiri (SAQ). Manakala, penilaian klinikal dan antropometrik, pemeriksaan darah kapilari juga telah dilakukan oleh jururawat atau penolong pegawai perubatan. Sejumlah 13,616 responden telah berjaya ditemui ramah di lapangan untuk tinjauan ini, merangkumi 5,006 tempat kediaman yang berjaya dilawati. Selain itu, temu ramah melalui telefon (CATI) juga telah dijalankan untuk modul Permintaan Jagaan Kesihatan dimana sejumlah 9,177 responden terlibat, merangkumi 2,759 tempat kediaman berjaya dilawati.

#### Lain-lain

##### Aktiviti fizikal

- Tidak aktif secara fizikal: 29.9%
- Tingkah laku sedentari: 49.9%

##### Status pemakanan

- Tidak mengambil jumlah buah-buahan dan sayuran yang di syorkan sebanyak 5 hidangan setiap hari: 95.1%
- Tidak mengambil air kosong yang mencukupi 6 gelas sehari: 22.2%

##### Merokok dan penggunaan tembakau

- Perokok tembakau semasa: 19.0%
- Pengguna rokok elektronik: 5.0%

##### Pengambilan alkohol

- Pengambil minuman beralkohol semasa: 10.4%
- Peratusan peminum alkohol secara mudarat dalam kalangan pengambil minuman beralkohol: 45.1%

##### Kesihatan mental

- Simptom kemurungan dalam kalangan dewasa: 4.6%
- Masalah kesihatan mental untuk kanak-kanak dan remaja (berumur 5 ke 15 tahun): 16.5%

#### Fakta Utama

##### Penyakit Tidak Berjangkit

###### Prevalens diabetes dalam kalangan orang dewasa

- Prevalens keseluruhan: 15.6%
- Telah didiagnosis menghidap diabetes: 9.7%
- Tidak tahu menghidap diabetes: 5.9%

► Trend peningkatan prevalens dari 2011 hingga 2023



###### Prevalens tekanan darah tinggi dalam kalangan dewasa

- Prevalens keseluruhan: 29.2 %
- Telah didiagnosis menghidap tekanan darah tinggi: 17.3 %
- Tidak tahu menghidap tekanan darah tinggi: 11.9%

► Prevalens kekal dari 2011 ke 2023



###### Prevalens kolesterol tinggi dalam kalangan dewasa

- Prevalens keseluruhan: 33.3%
- Telah didiagnosis menghidap kolesterol tinggi: 15.2%
- Tidak tahu menghidap kolesterol tinggi: 18.1%

► Trend penurunan prevalens dapat dilihat dari tahun 2011 ke tahun 2023



###### Prevalens berlebihan berat badan, obesiti dan obesiti abdomen dalam kalangan dewasa

- Berlebihan berat badan dan obesiti: 54.4% (Berlebihan berat badan: 32.6% and obesiti: 21.8%)
- Obesiti abdomen: 54.5%

► Prevalens berlebihan berat badan dan obesiti, dan obesiti abdomen meningkat sebanyak 10% dari tahun 2011 ke tahun 2023



##### Saringan kesihatan

- Saringan mammogram (dalam masa 3 tahun yang lepas): 12.8%
- Saringan pap smear (dalam masa 3 tahun yang lepas): 34.9%
- Saringan/ pemeriksaan kesihatan penyakit tidak berjangkit(dalam masa 1 tahun yang lepas): 57.2%
- Ujian faecal occult blood: 6.8%

##### Asma

- Telah didiagnosis menghidap asma dalam kalangan dewasa: 6.2%
- Asma yang mungkin tidak dikenalpasti dalam kalangan dewasa: 2.7%
- Asma semasa dalam kalangan kanak-kanak (6-17 tahun): 3.4%

##### Ketidakupayaan

- Ketidakupayaan dalam kalangan dewasa: 8.2%
- Kesukaran dalam kalangan orang dewasa: 21.7%

##### Kekurangan tidur: 37.7%

## Permintaan Jagaan Kesihatan

### Kesihatan Am

- **Penilaian Kesihatan Kendiri**
  - 85.2% daripada penduduk di Malaysia berusia 13 tahun ke atas, umumnya menilai kesihatan mereka sebagai “sangat baik atau baik”.
- **Masalah Kesihatan Akut dan Tingkah laku Mendapatkan Jagaan Kesihatan**
  - 18.8% mengalami masalah kesihatan akut dalam dua minggu sebelum temu ramah.
  - Dalam kalangan mereka, 70.8% mendapatkan rawatan/ubat/nasihat daripada pengamal kesihatan, 20.7% mengambil ubat tanpa nasihat daripada pengamal kesihatan, dan 15.1% mendapat nasihat daripada sumber lain seperti internet, TV, radio dan lain-lain.



### Halangan Untuk Mendapatkan Jagaan Kesihatan

- 2.3% daripada penduduk di Malaysia melaporkan halangan untuk mendapatkan jagaan kesihatan dalam 12 bulan sebelum temu ramah.
- Dalam kalangan mereka, 12.9% melaporkan halangan untuk mendapatkan jagaan kesihatan disebabkan oleh masalah kewangan iaitu “rawatan terlalu mahal/tidak mampu/tiada wang”.



### Penggunaan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan

- **Pemeriksaan Perubatan/Kesihatan**
  - Dalam kalangan orang dewasa, 34.6% menggunakan pemeriksaan kesihatan dalam 12 bulan sebelum temu ramah.
  - Dalam kalangan mereka, 47.4% dirujuk daripada pengamal kesihatan, 31.2% atas inisiatif sendiri dan 21.4% atas lain-lain sebab.
- **Perkhidmatan Jagaan Kesihatan dalam Talian (OHS)**
  - Dalam kalangan penduduk berusia 18 tahun ke atas, 6.3% menggunakan OHS dalam 12 bulan sebelum temu ramah, di mana majoriti menggunakan OHS untuk temujanji.
- **Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Rawatan Pesakit Luar**
  - 12.5% menggunakan perkhidmatan kesihatan rawatan luar dalam dua minggu sebelum temu ramah, di mana peratus pengguna yang sama bagi sektor awam dan swasta dilaporkan.
- **Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Rawatan Pesakit Dalam**
  - 5.8% menggunakan perkhidmatan kesihatan rawatan pesakit dalam dalam 12 bulan sebelum temu ramah, di mana 72.6% menggunakan sektor awam dan 28.6% menggunakan sektor swasta.
- **Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Pergigian**
  - 25.7% menggunakan perkhidmatan kesihatan pergigian dalam 12 bulan sebelum temu ramah, di mana 68.4% menggunakan sektor awam dan 34.6% menggunakan sektor swasta.



### Perbelanjaan Sendiri (Out-of-Pocket Expenditure)

- Jagaan kesihatan pesakit luar mempunyai purata perbelanjaan tertinggi (RM 134), diikuti oleh perbelanjaan kesihatan pergigian (RM 28)



Untuk maklumat lanjut, sila imbas kod QR ini:



**Modul NCD:**  
Institute for Public Health  
(IKU)

**Modul HCD:**  
Institute for Health Systems  
Research (IHSR)

National Institutes of Health  
(NIH)  
1, Jalan Setia Murni U13/52  
Seksyen U13, Setia Alam  
40170 Shah Alam, Selangor

### Makluman Diagnosis Kanak-Kanak yang Sakit

- Terdapat 10.6% orang dewasa pernah mempunyai pengalaman mengiringi kanak-kanak yang sakit ke fasiliti kesihatan dalam tempoh 3 bulan sebelum temu bual.
- Dalam kalangan mereka, 96.9% melaporkan telah diberitahu mengenai diagnosis dan/atau pelan penjagaan oleh pengamal kesihatan.

